

## **Peguam Najib, Rosmah nafi dakwaan Rafizi mengenai pendakwaan terpilih**

**The Malaysian Insider**

**July 23, 2015**

**Oleh V. Anbalagan**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dan isterinya Datin Seri Rosmah Mansor menafikan dakwaan Ahli Parlimen Pandan Rafizi Ramli berhubung pendakwaan terpilih terhadap dirinya susulan kes saman berkaitan kenyataan harga minyak di sebuah forum.

Peguam Choo Shi Jiu daripada Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak berkata pasangan itu berkata demikian membalas dakwaan Rafizi dengan menyatakan mereka juga menyaman pihak lain.

"Tidak ada pendakwaan terpilih sepertimana didakwa defendan (Rafizi)," kata Choo kepada The Malaysian Insider.

Jawapan balas tersebut difailkan di pendaftaran Mahkamah Tinggi semalam.

Tahun lepas, Najib memfailkan saman terhadap portal Malaysiakini melalui komen pembaca susulan daripada kes penggantian bekas menteri besar Terengganu Datuk Ahmad Said.

Beliau turut memfailkan saman terhadap Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony berhubung kenyataan berkaitan 1Malaysia Development Berhad.

Ahli Parlimen Taiping Nga Kor Ming juga menerima nasib sama disaman perdana menteri berhubung gambar yang dimuat naik dalam Facebook.

Selain Rafizi, pemilik portal Mediarakyat Chan Chee Kong turut dinamakan dalam kes saman tersebut kerana menyiarkan laporan itu.

Rafizi dan pemilik portal Mediarakyat, Chan Chee Kong dalam pindaan mereka untuk memfailkan tuntutan balas terhadap perdana menteri dan Rosmah berkata, pasangan itu memilih mereka sebagai sasaran.

Dalam penyata pembelaannya yang difailkan terdahulu, Rafizi berkata tindakan pasangan itu mengheret perkara itu ke mahkamah dianggap menyalahgunakan proses.

Setiausaha agung PKR tu berkata Najib dan Rosmah juga menafikan hak kebebasan bersuara, yang dilindungi di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Noraini Abdul Rahman menetapkan peguam untuk memberi arahan lanjut berhubung pengurusan kes tersebut pada 5 Ogos.

Saman terhadap Rafizi difailkan di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 16 Mac oleh Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak yang mewakili Najib dan Rosmah.

Turut dinamakan sebagai defendan dalam saman itu ialah Chan yang memiliki Mediarakyat.

Dalam penyata tuntutan, pasangan itu berkata Rafizi mengeluarkan kenyataan fitnah berkaitan kenaikan harga bahan api di satu forum di Bandar Tun Razak pada 22 November, 2014.

Najib dan Rosmah berkata ucapan Rafizi dalam video bertajuk "Kenapa kita pertahan subsidi minyak" yang dirakam Mediarakyat dan Chan atau pembantunya memuat naik rakaman itu di YouTube bagi akses seluruh dunia.

Video itu juga terdapat di laman Facebook Rafizi.

Najib dan Rosmah berkata ucapan Rafizi yang diterbitkan semula dalam video, jelas bertujuan memfitnah mereka.

Mereka berkata, Chan juga gagal berpegang kepada prinsip kewartawanan yang bertanggungjawab kerana gagal mengesahkan dakwaan sebelum video dibenarkan untuk kegunaan awam. – 23 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peguam-najib-rosmah-nafi-dakwaan-rafizi-mengenai-pendakwaan-terpilih>